

Kepada Reverend-reverend, Pastor-pastor and Pelayan-pelayan Tuhan,

Per: Komisi Doa AG - Perhimpunan Doa Nasional Ogos 31, 2018

9 Mei ialah hari yang amat penting bagi Malaysia. Gabungan parti pembangkang, Pakatan Harapan telah menang dalam PR Ke-14, menamatkan pemerintahan Barisan Nasional selama 60 tahun. Kami bersyukur kepada Tuhan kerana keajaiban ini.

Ramai di peringkat antarabangsa dan tempatan telah bertahun-tahun menyemai kepada negara kita. Kami berterima kasih kepada semua yang telah berdoa dan bekerjasama dalam doa. Kami bersatu di seluruh denominasi dan rangkaian doa dari seluruh Malaysia.

Gereja perlu terus berdoa dengan tekun dan mencari nikmat Tuhan untuk bangsa kita. Kita tidak boleh hanya meraikan kejayaan itu tetapi kita mesti juga mengekalkan momentum doa. Doa adalah dorongan yang akan membawa transformasi negara. Terdapat banyak yang perlu dibatalkan dan yang perlu dilakukan. Kita cintai negara kita dan kita harus menyatakan kasih kita dengan menjadi pengawal Tuhan atas kebajikan negara kita. Kita mesti berdiri di hadapan Tuhan bagi pihak orang untuk memberi amaran kepada orang-orang tentang penghakiman dan memberi mesej harapan dan dorongan kepada mereka.

Komisi Doa AG telah menetapkan **31hb August**, hari Jumaat sebagai **Hari Doa Nasional**. Tema kita ialah **"Kemuliaan-Nya Merajai ... Dia membuat segalanya baru."** Habakuk 2:14 "Sebab bumi akan penuh dengan pengetahuan tentang kemuliaan TUHAN, seperti air yang menutupi dasar laut." Tuhan telah membawa Malaysia ke musim baru. Kita mesti berdoa untuk masa depannya, pemimpin-pemimpin kita, rakyat kita dan untuk kemuliaan Tuhan menutupi tanah kita.

Kami meminta anda mengadakan Perhimpunan Doa Hari Malaysia di gereja anda pada tarikh ini. Jika 31hb Ogos tidak sesuai, anda boleh memilih sebarang tarikh yang hampir dengan tarikh ini. Mari bergabung bersama dalam doa.

Jika anda boleh kendali perhimpunan doa kebangsaan ini, sila hubungi penyelaras di daerah atau bahagian anda atau penyelaras bahasa secepat mungkin. Sila mengesahkan tarikh dengan kami, selawat-lewatnya pada 10 Julai supaya kami dapat membantu mempublikasikan acara anda. Satu program yang dicadangkan dan titik doa akan diberikan. Untuk maklumat lanjut, sila layari

<http://agpc.org.my/his-glory-reigns/>

Daerah Utara:	Rev Marcus Tan	04 658 4404
Daerah Sentral:	Rev Ebenezer	012 674 5081
KL – Timur:	Rev Stephen Kong	012 398 3835
Daerah Selatan:	Rev Ruth Tan	012 727 9280
Daerah Malaysia Timur:	Rev John Lim	016 273 0400
B. Cina:	Rev Janey Hii	012 933 2790
B. Malaysia:	Rev Jeremiah	016 331 1054
B. Tamil:	Rev Jeeva	012 694 0367

Bagi mereka di Daerah Sentral dan KL, kami syurkan supaya anda bergabung dengan Metro Tabernacle bagi Perhimpunan Hari Doa Nasional pada 31 hb Ogos, jam 9.30 pagi – 12.30 tengah hari.

Kami juga meminta agar anda mengutip satu persembahan untuk Komisi Doa AG. Kami memerlukan kewangan untuk menjalankan acara dan aktiviti kami iaitu. mezbah-mezbah doa, panduan doa, sekolah doa, doa sambil memandu dan lain-lain. Cabarlah para hadirin untuk menabur dalam pelayanan doa. Terlebih dahulu, kami menghargai pemberian itu.

Kami berharap dapat berita daripada anda.

Melayani bersama,
Rev. Lisa Chin
Penyelaras Perhimpunan Doa Nasional KDAG
(AGPC National Prayer Rally Coordinator)

cc. Rev. Teo Kwee Keng – Pengerusi KDAG